

|   |  |
|---|--|
| <b>RISALAH PENDEDAHAN PRODUK</b>  | <b>Hong Leong Assurance Berhad</b>             |
| <b>Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong SMART Value Secure Insurance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.</b> | <b>Hong Leong SMART Value Secure Insurance</b> |
|   | <<Tarikh>>                                     |

Nota Penting: Produk ini ditanggung jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, penanggung insurans dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

### 1. What is this product about?

- Hong Leong SMART Value Secure Insurance ialah pelan asas berkaitan pelaburan yang dipakej dengan salah satu:-
  - Hong Leong Invest Grow ProRider untuk meningkatkan pertumbuhan Nilai Akaun; atau
  - Hong Leong Cash Grow ProRider memberi tunai untuk kegunaan segera anda.
- Tempoh bayaran premium bagi pelan ini ialah lima (5) tahun dan tempoh polisi ialah dua puluh lima (25) tahun.
- Perlindungan insurans yang disediakan adalah Kematian sahaja.
- Bagi tempoh dua (2) tahun polisi pertama, faedah kematian yang perlu dibayar akibat bukan kemalangan adalah amaun yang lebih tinggi antara jumlah premium yang dibayar bagi pelan asas ditolak sebarang cukai yang dikenakan atas premium, sebarang pengeluaran dan sebarang faedah yang dibayar, atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya menambah jumlah premium untuk Hong Leong Cash Grow ProRider. Faedah kematian yang perlu dibayar akibat bukan kemalangan dari tahun polisi ketiga dan faedah kematian yang perlu dibayar akibat kemalangan untuk semua tahun polisi adalah amaun yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya, dan termasuk faedah kematian yang terjamin bagi Hong Leong Cash Grow ProRider. Faedah kematian yang diilustrasikan belum menolak Bayaran Tunai Terjamin pada tahun semasa. Ini hendaklah terpakai kepada semua faedah kematian yang berkaitan sepanjang Risalah Pendedahan Produk ini.
- Untuk memaksimumkan nilai pelaburan anda, jumlah premium akaun asas anda akan diagihkan kepada 20% bagi premium pelan asas dan 80% bagi premium tambahan berkala (digabungkan dengan pelan asas). Anda boleh memaksimumkan nilai tunai anda dengan meningkatkan premium tambahan berkala anda.
- Nilai polisi bagi polisi ini akan berubah secara langsung dengan prestasi dana-dana unit.

**Harap Maklum:** Caj-caj insurans anda (ditolak daripada nilai akaun) akan meningkat dengan peningkatan usia anda. Pada tahun terkemudian, nilai akaun terkumpul mungkin tidak cukup untuk membayar caj-caj insurans dan yuran polisi anda kerana pulangan pelaburan yang kurang memuaskan atau pengeluaran, yang boleh menyebabkan polisi anda diluputkan. Anda mungkin perlu menambah premium anda atau mengurangkan pengeluaran anda (jika berkenaan), jika anda ingin mengekalkan polisi insurans anda.

### 2. Apakah perlindungan/ faedah yang disediakan?

#### A) Pelan Asas

Jumlah Diinsuranskan untuk pelan ini adalah RM dan tempoh perlindungan ialah 25 tahun atau ketika penamatan, yang mana berlaku dahulu.

#### Faedah Kematian

Bagi tempoh dua (2) tahun polisi pertama, faedah kematian yang perlu dibayar akibat bukan kemalangan adalah amaun yang lebih tinggi antara jumlah premium yang dibayar bagi pelan asas ditolak sebarang cukai yang dikenakan atas premium, sebarang pengeluaran dan sebarang faedah yang dibayar, atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya. Faedah kematian yang perlu dibayar akibat bukan kemalangan dari tahun polisi ketiga dan faedah kematian yang perlu dibayar akibat kemalangan untuk semua tahun polisi adalah amaun yang lebih tinggi antara Jumlah Asas Diinsuranskan atau Nilai Akaun pada tarikh penilaian seterusnya. Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan amaun pengeluaran separa.

#### Peruntukan untuk Juvenil

Sekiranya berlaku kematian Hayat Diinsuranskan sebelum umur lima (5), Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan seperti berikut:

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

| Umur semasa kematian<br>(Harijadi lepas) | Peratus Jumlah Asas Diinsuranskan akan dibayar |
|--|--|
| 30 hari – 1 tahun                        | 20%  |
| 2 tahun                                  | 40%  |
| 3 tahun                                  | 60%  |
| 4 tahun                                  | 80%  |

Nota: Jika kematian akibat bukan kemalangan berlaku pada tempoh dua (2) tahun polisi Tahun Polisi pertama, Peruntukan untuk Juvenil tidak akan terpakai.

#### **Faedah Kematangan**

Jika Hayat Diinsuranskan masih hidup pada akhir tempoh polisi, Faedah Kematangan bersamaan dengan Nilai Akaun akan dibayar.

#### **B) Rider yang Dilampirkan**

| Rider                               | Jumlah Diinsuranskan / Faedah   | Tempoh Perlindungan -an   | Hayat Diinsuranskan | Huraian Faedah   |                            |   |                                   |            |   |   |             |   |
|-------------------------------------|---|---|---------------------|--|----------------------------|---|-----------------------------------|------------|---|---|-------------|---|
| Hong Leong<br>Cash Grow<br>ProRider |   | 25  | Hayat Diinsuranskan | <p>Ini ialah rider pembayaran premium dengan tempoh bayaran premium lima (5) tahun. Premium adalah terjamin dan atas dasar tetap.</p> <p><b><u>Tunai Terjamin</u></b><br/>Rider ini akan membayar Bayaran Tunai Terjamin berjumlah 10% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider setiap tahun, bermula dari hujung tahun rider ke-empat sehingga kematian hayat diinsuranskan atau tamat tempoh rider ini, yang mana lebih awal.</p> <p>Bayaran Tunai Terjamin adalah 10% daripada amaun yang dinyatakan pada lajur Jumlah Diinsuranskan/Faedah Rider.</p> <p><b><u>Faedah Kematian</u></b><br/>Apabila berlaku kematian bagi Hayat Diinsuranskan, Faedah akan dibayar mengikut jadual berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Polisi pada kematian</th> <th>Faedah Kematian akibat bukan kemalangan</th> <th>Faedah Kematian akibat kemalangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 hingga 2</td> <td>Jumlah premium rider dibayar ditolak sebarang faedah dibayar.</td> <td rowspan="2">125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini</td> </tr> <tr> <td>Selepas itu</td> <td>125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pada bila-bila masa, faedah kematian yang perlu dibayar tidak akan kurang daripada nilai tunai serahan untuk rider ini.</p> <p><b><u>Faedah Kematian Terjamin</u></b><br/>Apabila Hayat Diinsuranskan masih hidup sehingga akhir tempoh polisi, amaun yang dibayar adalah bersamaan dengan 500% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider.</p> | Tahun Polisi pada kematian | Faedah Kematian akibat bukan kemalangan | Faedah Kematian akibat kemalangan | 1 hingga 2 | Jumlah premium rider dibayar ditolak sebarang faedah dibayar. | 125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini | Selepas itu | 125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini |
| Tahun Polisi pada kematian          | Faedah Kematian akibat bukan kemalangan   | Faedah Kematian akibat kemalangan   |                     |  |                            |   |                                   |            |   |   |             |   |
| 1 hingga 2                          | Jumlah premium rider dibayar ditolak sebarang faedah dibayar.   | 125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini |                     |  |                            |   |                                   |            |   |   |             |   |
| Selepas itu                         | 125% daripada Jumlah Diinsuranskan Rider darab bilangan Premium Tahunan yang dibayar; dan kemudian tolak jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar sehingga tarikh terkini |   |                     |  |                            |   |                                   |            |   |   |             |   |

**Peringatan:** Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

**3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu anda bayar berbeza mengikut kriteria penanggungjaminan dan penilaian risiko kami.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut.

| Pelan/Rider   | Jenis | Hayat-hayat Diinsuranskan | Premium Perlu Dibayar |
|---|-------|---------------------------|-----------------------|
|   |       |                           | Tahunan (RM)          |
| Hong Leong SMART Value Secure Insurance<br>- Basic Premium<br>- Regular Top Up (bundled with basic) | Rider | Hayat Diinsuranskan       |                       |
| Hong Leong Cash Grow ProRider   | Rider | Hayat Diinsuranskan       |                       |
| Total   |       |                           |                       |

Tempoh Premium:

| Pelan/Rider                             | Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun |
|---|--|
| Hong Leong SMART Value Secure Insurance | Sehingga <<Umur>>  |
| Hong Leong Cash Grow ProRider           | Sehingga <<Umur>>  |

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian premium asas untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan daripada premium anda akan digunakan untuk membayar kos pengagihan langsung dan perbelanjaan syarikat insurans. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Produk.

Ia adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

**4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

- Caj insurans dan yuran polisi sebanyak RM8 setiap bulan akan ditolak secara bulanan dari nilai unit ada. Secara umumnya, caj-caj insurans akan meningkat apabila anda semakin tua. Penyerahan polisi dan pengeluaran separa akan dikenakan caj. Butir-butir caj insurans dan caj-caj lain bagi polisi berkaitan pelaburan anda, telah diberikan dalam Ilustrasi Produk.
- Caj insurans dan caj-caj lain yang diilustrasikan adalah berdasarkan tahap semasa. Kadar caj insurans dan caj-caj lain adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis 3 bulan kepada Pemunya Polisi.
- Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

**5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan nyatakan umur anda yang sebenar.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. HLA akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, apa-apa bayaran insurans, yuran polisi bulanan dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah ditolak setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikenakan.  
Untuk rider, Syarikat akan mengembalikan premium dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah dibayar bagi rider tersebut kepada Pemunya Polisi.
- Nilai tunai - nilai tunai polisi berkaitan unit bergantung pada prestasi dana berkaitan unit yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membuat bayaran insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai tunai di bawah polisi anda.
- Polisi luput – Pelan Asas akan luput apabila nilai bagi unit pelaburan adalah tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain. Walau bagaimanapun, anda diberi 30 hari tempoh tangguh untuk bayaran premium. Rider dengan Premium Bayaran akan luput sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh, tertakluk kepada peruntukan Rider masing-masing.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium.
- Terdapat peruntukan untuk penamaan dan penyerahan hak. Dimaklumkan bahawa penama perlu dilantik dan pastikan penama mengetahui tentang polisi yang anda beli.
- Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan penanggungjaminan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?****A) Pelan Asas****Faedah Kematian**

Sekiranya Hayat Diinsuranskan secara waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian, polisi akan jadi tidak sah. Faedah kematian tidak akan dibayar dan Syarikat hanya akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga seunit pada tarikh penilaian seterusnya, sebarang caj insurans, yuran polisi, dan apa-apa cukai yang dikenakan tolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung dan faedah yang dibayar.

**B) Rider yang Dilampirkan**

| Rider                         | Hayat -hayat Diinsuranskan | Pengecualian   |
|-------------------------------|----------------------------|--|
| Hong Leong Cash Grow ProRider | Hayat Diinsuranskan        | Rider ini tidak memberi perlindungan yang berikut:<br>- Kematian Hayat Diinsuranskan akibat membunuh diri dalam tempoh (12) bulan pertama dari Tarikh Penerbitan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian. |

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?****A) Pelan Asas**

Membeli polisi berkaitan unit premium tunggal adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda dinasihatkan supaya tidak memegang polisi ini untuk jangka pendek memandangkan kos permulaan tinggi. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Sekiranya anda mendapati bahawa dana yang dipilih itu tidak lagi sesuai, anda mempunyai kelonggaran untuk membuat pertukaran dana tanpa apa-apa yuran.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

**B) Rider yang Dilampirkan**

| Rider                         | Hak Pembatalan   |
|-------------------------------|--|
| Hong Leong Cash Grow ProRider | Apabila dibatalkan, nilai tunai yang diperolehi (jika ada) akan dibayar dan perlindungan rider akan ditamatkan dengan serta-merta. |

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perhubungan anda (termasuk butiran bagi penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans berkaitan pelaburan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Berkaitan Pelaburan', yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah daripada ejen/ kakitangan bank atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Hong Leong Assurance Berhad**  
**Level 3, Tower B, PJ City Development**  
**No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A**  
**46100 Petaling Jaya, Selangor**  
**P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya**

**Pengantara:**  
**Hong Leong Bank Berhad**  
**Level 1, Menara Hong Leong**  
**No. 6, Jalan Damanlela**  
**Bukit Damansara**  
**50490 Kuala Lumpur**

**Tel: 03 - 7650 1288**  
**Faks: 03 - 7650 1299**  
**Laman Web: [www.hla.com.my](http://www.hla.com.my)**

**10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan**

Sila rujuk ejen/kakitangan bank kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

**NOTA PENTING:**

**INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET DASAR, DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN ANDA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH SESUAI DENGAN TAHAP RISIKO ANDA, DAN ANDA BERUPAYA MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR TAMBAHAN PREMIUM SEBAGAI 'TAMBAHAN'. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <<Tarikh>>.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 7 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

## Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

| Sebelum Anda Membeli Polisi  | Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi   | Semasa Tempoh Polisi  |
|--|---|---|
| <p><b>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.</li> <li>* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.</li> </ul> <p><b>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.</li> <li>* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.</li> </ul> | <p><b>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.</li> <li>* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.</li> <li>* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.</li> <li>* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.</li> </ul> <p><b>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.</li> <li>* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.</li> </ul> | <p><b>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium.</li> </ul> <p><b>Membantu Anda Membuat Tuntutan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.</li> </ul> |

### Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di [customerservice@hla.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hla.hongleong.com.my).